



PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN
KAUNSELING
UBAT-UBATAN SECARA
MAYA/ *VIRTUAL***

JANUARI 2021

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ VIRTUAL

Januari 2021

ISBN 978-967-5570-98-8



© HAKCIPTA TERPELIHARA

Kandungan buku ini tidak boleh diterbitkan semula tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pemegang hak cipta. Walau bagaimanapun, penggunaan mana-mana maklumat di dalam kandungan buku ini dibenarkan dengan syarat pengakuan hak cipta dimasukkan dan maklumat digunakan dalam konteks yang sesuai, tidak berubah atau mengelirukan.

Panduan ini menerangkan skop perkhidmatan, proses kerja dan dokumentasi yang terlibat dalam aktiviti kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual*.

Terbitan

**Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.**

**Telefon : 603-7841 3200
Fax : 603-7968 2222
Laman sesawang : www.pharmacy.gov.my**

PENASIHAT

A'tia binti Hashim

Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

EDITOR

Rozita binti Mohamad

Timbalan Pengarah
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Nor Hasni binti Haron

Ketua Seksyen Farmasi Klinikal
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Angeline Tan Meng Wah

Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGHARGAAN

Ahli *Task Force* Kaunseling Ubat-ubatan Secara Maya/ Virtual

Ainol Zairani Puteri bt Ahmad	Hospital Tuanku Fauziah
Siti Hasna bt. A. Syed Mohamed	Hospital Sultan Abdul Halim
Lim Phei Ching	Hospital Pulau Pinang
Cheryl Yong Wai Yin	Hospital Raja Permaisuri Bainun
Siti Noor Adila Binti Talhah	Hospital Shah Alam
Siti Mariam Bt Jusoh	Hospital Tuanku Ja'afar Seremban
Tay Eek Poei	Hospital Melaka
Zanariah binti Abu Bakar	Hospital Sultanah Aminah
Nor Azura Binti Mohd Noor	Hospital Raja Perempuan Zainab II
Khulailah binti Musa	Hospital Sultanah Nur Zahirah
Kwan Ee Wei	Hospital Tengku Ampuan Afzan
Tham Yap Yuan	Hospital Duchess of Kent, Sandakan
Sim Poh Ping	Hospital Umum Sarawak
Asma Amalina Binti Abdul Rani	Hospital Putrajaya
Fredica Langkab	Hospital Labuan
Tay Chen Yan	Hospital Kuala Lumpur
Nur Jamiah binti Mohd Taufek	Sektor Farmasi Kesihatan Awam

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pegawai farmasi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan garis panduan ini.

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN.....	6
TUJUAN	6
SKOP PERKHIDMATAN	7
DEFINISI.....	7
KAEDAH OPERASI.....	8
KUMPULAN SASAR	8
TADBIR URUS	10
PROSES KERJA (Rujuk Carta Alir)	12
A. Pendaftaran Pesakit	12
B. Sesi Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ <i>Virtual</i>	12
TEKNIKAL (ICT).....	15
A. Keperluan Teknikal Fasiliti	15
B. Keperluan Teknikal Pesakit	15
DOKUMENTASI DAN PENGURUSAN REKOD	16
CAJ/ BAYARAN PERKHIDMATAN	18
PELAPORAN STATISTIK AKTIVITI KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ <i>VIRTUAL</i>	18
CARTA ALIR	19
A. Pendaftaran Pesakit	19
B. Sesi Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ <i>Virtual</i>	20

LAMPIRAN	24
Lampiran A: Borang Persetujuan Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ <i>Virtual</i>	25
Lampiran B: Jadual Temujanji Pesakit Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ <i>Virtual</i>	25
Lampiran C: Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ <i>Virtual</i>	25
Lampiran D: Borang Kaunseling Pesakit Individu	25
Lampiran E: Cara Pelaporan Statistik Aktiviti Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ <i>Virtual</i> ...	25

PENGENALAN

Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* adalah satu perkhidmatan di bawah Program Perkhidmatan Farmasi, KKM di mana aktiviti kaunseling ubat-ubatan dan alat pengubatan disampaikan secara maya (*virtual*), langsung (*live*) dan interaktif di antara pegawai farmasi dan pesakit yang menerima rawatan di bawah fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan adalah secara temujanji di mana setiap pesakit yang telah bersetuju akan mendaftar masuk ke dalam sistem temujanji kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual*. Ia bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian kepada perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan oleh pesakit/ penjaga dan mengurangkan masa menunggu serta kehadiran pesakit ke fasiliti kesihatan secara tidak langsung. Ia juga membolehkan penjarakan fizikal diamalkan sebagai norma baru di fasiliti kesihatan bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dan pada masa yang sama dapat memastikan kesinambungan penjagaan farmaseutikal pesakit.

Pesakit yang menggunakan perkhidmatan ini perlu memberikan persetujuan secara bertulis (*written consent*) atas talian, mempunyai kemudahan alat telekomunikasi sendiri (contohnya telefon pintar atau komputer/ komputer riba) dan berpengetahuan dalam penggunaan aplikasi atas talian.

Perkhidmatan ini adalah pilihan kepada aktiviti kaunseling ubat-ubatan sedia ada di fasiliti kesihatan di mana pesakit boleh memilih untuk menerima perkhidmatan ini secara bersemuka atau secara maya/ *virtual*. Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan perlu mengikut keperluan dan pemahaman setiap pesakit (*individualization*). Pesakit yang telah memilih kaunseling secara maya/ *virtual*, masih boleh menghadiri sesi kaunseling susulan secara bersemuka di farmasi fasiliti KKM pada bila-bila masa.

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan am untuk pegawai farmasi KKM mengenai skop perkhidmatan, proses kerja dan dokumentasi yang terlibat dalam aktiviti kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual*.

SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan yang disediakan secara maya/ *virtual* adalah kaunseling ubat-ubatan bagi rawatan penyakit kronik (atau lain-lain jenis rawatan mengikut keperluan dari semasa ke semasa).

Kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* hanya ditawarkan kepada pesakit luar yang memerlukan kaunseling individu sahaja. Ini termasuk sesi lawatan bagi perkhidmatan *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC).

Kaunseling ubat-ubatan yang lain seperti kaunseling berkumpulan, kaunseling discaj dan kaunseling *bedside* adalah dijalankan seperti biasa mengikut proses kerja yang terdapat di dalam Garis Panduan Kaunseling Ubat-ubatan Edisi Ke-3, Tahun 2019.

Namun demikian, bagi keadaan tertentu (contoh: bekalan ubat telah diperolehi tetapi perkhidmatan kaunseling tidak selesai atas faktor-faktor tertentu), perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* boleh ditawarkan kepada pesakit.

DEFINISI

1) **Kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual***

Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan secara maya (*virtual*), langsung (*live*) dan interaktif di antara pesakit dan pegawai farmasi dengan menggunakan alat telekomunikasi yang bersesuaian seperti telefon pintar dan komputer/ komputer riba.

2) **Kaunseling individu**

Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan secara *one-to-one* dengan pesakit/ penjaga oleh pegawai farmasi. Ini termasuk kaunseling di Farmasi Pesakit Luar, semasa Perkhidmatan Farmasi *Home Care* (PFHC), kaunseling pesakit yang tidak direkrut ke dalam *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC) dan kaunseling pesakit di wad (kaunseling *bedside* dan discaj).

3) **Kaunseling susulan individu**

Kaunseling susulan yang dijalankan secara *one-to-one* dengan pesakit oleh pegawai farmasi dalam tempoh masa dua bulan dari tarikh sesi kaunseling yang pertama.

4) **Kaunseling berkumpulan**

Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan kepada lebih daripada seorang pesakit yang menghadapi penyakit yang sama atau menerima rawatan yang hampir sama.

5) Kaunseling *bedside*

Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan semasa pesakit berada dalam wad untuk kali pertama dan susulan bagi tempoh kemasukan wad yang sama.

6) Kaunseling *discaj*

Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan kepada pesakit semasa discaj, sama ada di wad, Farmasi Pesakit Dalam atau Farmasi Satelit.

KAEDAH OPERASI

- a) Kekerapan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* dilaksanakan mengikut kesesuaian dan keperluan pesakit berdasarkan kepada penyakit dan rawatan yang diterima.
- b) Sekurang-kurangnya seorang pegawai farmasi bertugas dalam satu sesi.
- c) Hari dan masa sesi kaunseling ubat-ubatan bergantung kepada kesesuaian fasiliti (berdasarkan beban kerja dan bilangan pegawai farmasi yang sedia ada).
- d) Bilangan pesakit bagi setiap sesi bergantung kepada slot yang ditawarkan oleh fasiliti.

KUMPULAN SASAR

Secara umumnya, semua pesakit yang menerima rawatan farmakoterapi boleh ditawarkan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan, sama ada dirujuk oleh pegawai perubatan/ anggota kesihatan lain (contohnya penolong pegawai perubatan, jururawat, pegawai dietitik dan pegawai pemakanan) atau dikenalpasti oleh pegawai farmasi. Pesakit yang ditawarkan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* mesti memenuhi kriteria seperti di bawah:

- a) Pesakit yang memberikan persetujuan secara bertulis (*written consent*) / atas talian.
- b) Pesakit yang mempunyai kemudahan alat telekomunikasi sendiri [rujuk tajuk **Teknikal (ICT)**].
- c) Pesakit yang menerima rawatan di fasiliti kesihatan KKM.
- d) Pesakit yang memerlukan kaunseling ubat-ubatan secara individu sahaja.

Kategori pesakit yang boleh ditawarkan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* adalah:

a) Pesakit yang menerima regimen ubat-ubatan seperti:

- i) Ubat-ubatan penyakit kronik.
- ii) Ubat-ubatan dengan arahan penggunaan yang spesifik seperti pen insulin, *inhaler*, *nasal spray*, *patch*, pesari.
- iii) Ubat-ubatan yang memerlukan pemantauan rapi contohnya anti-epileptik, anti-parkinson, anti-koagulasi.
- iv) Ubat-ubatan yang memerlukan penerangan yang khusus tentang cara penggunaannya seperti ubat sapu dan ubat kutu.
- v) Ubat-ubatan yang memerlukan penekanan terhadap tahap kepatuhan pengambilan ubat-ubatan seperti antibiotik, *Highly Active Antiretroviral Therapy* (HAART), anti-tuberkulosis dan *Direct Acting Antivirals* (DAAs).
- vi) Ubat-ubatan yang mempunyai regimen rawatan atau dos yang kompleks seperti ubat psikiatri dan ubat untuk pengurusan kesakitan.

b) Pesakit yang terdiri daripada:

- i) Pesakit geriatrik/ warga emas (bersama penjaga).
- ii) Pesakit pediatrik (bersama penjaga/ ibu bapa).
- iii) Pesakit yang mempunyai masalah tertentu (contohnya seperti tidak tahu membaca/buta huruf, masalah administrasi ubat [contoh: *Ryles tube*] dan lain-lain).
- iv) Pesakit yang mempunyai masalah kepatuhan pengambilan ubat-ubatan atau dikenalpasti tidak mematuhi terapi ubat-ubatan.
- v) Pesakit yang kerap mengalami kesan sampingan ubat-ubatan (contohnya *hypoglycaemia*, *postural hypotension*, dan *gastrointestinal disturbances*).

Walau bagaimanapun, pegawai farmasi perlu menilai keperluan dan kesesuaian pesakit sebelum menawarkan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual*.

TADBIR URUS

A. Anggota Pelaksana

Anggota pelaksana yang terlibat dalam pelaksanaan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual*:

a) KONSULTASI DAN RUJUKAN

- i) Pakar Perunding
- ii) Pakar Perubatan
- iii) Pegawai Perubatan
- iv) Anggota kesihatan lain (contohnya penolong pegawai perubatan, jururawat, pegawai dietitik dan pegawai pemakanan)

b) PENYELARAS

- i) Pegawai Farmasi y/m Perkhidmatan Kaunseling Ubat-ubatan di Farmasi Pesakit Luar

c) PEGAWAI PELAKSANA

- i) Pegawai Farmasi

d) SOKONGAN TEKNIKAL

- i) Pegawai Teknologi Maklumat
- ii) Pegawai Aset

B. Anggota Pelaksana dan Tanggungjawab

Bil	Kategori	Tanggungjawab
1	Pakar Perunding/ Pakar Perubatan/ Pegawai Perubatan/ Anggota kesihatan lain	a) Menjalankan konsultasi dan mempreskrib ubat. b) Merujuk pesakit kepada pegawai farmasi untuk kaunseling ubat-ubatan jika perlu.
2	Penyelaras	a) Memastikan pelaksanaan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ <i>virtual</i> berjalan dengan lancar. b) Mengurus dan mengemaskini sistem temujanji. c) Menyediakan jadual sesi dan pegawai farmasi bertugas. d) Memantau dan membuat pelaporan statistik

Bil	Kategori	Tanggungjawab
3	Pegawai Pelaksana	<ul style="list-style-type: none"> a) Mendapatkan persetujuan pesakit sebelum mendaftarkan pesakit ke dalam sistem temujanji. b) Menyemak rekod pesakit sebelum sesi dimulakan. c) Menjalankan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ <i>virtual</i> mengikut jadual. d) Membuat dokumentasi selepas tamat sesi kaunseling ubat-ubatan. e) Menetapkan tarikh temujanji susulan (jika perlu). f) Merujuk kepada pegawai perubatan (jika perlu).
4	Pegawai Teknologi Maklumat/ Pegawai Aset	<ul style="list-style-type: none"> a) Memastikan ketersediaan infrastruktur ICT (perkakasan dan rangkaian) sebelum dan sepanjang proses kaunseling ubat-ubatan secara maya/ <i>virtual</i>. b) Membantu menyelesaikan isu teknikal berkaitan perkakasan, rangkaian dan aplikasi atas talian.

PROSES KERJA (Rujuk Carta Alir)

A. Pendaftaran Pesakit

- a) Terima preskripsi ubat pesakit dan dispens ubat secara bersemuka atau melalui perkhidmatan tambah nilai. Bagi pesakit baru, sebaik-baiknya pesakit diberi kaunseling ubat-ubatan secara bersemuka di farmasi.
- b) Terima rujukan/ kenalpasti pesakit yang memerlukan kaunseling ubat-ubatan susulan secara maya/ virtual (berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan).
- c) Berikan penjelasan mengenai proses kaunseling ubat-ubatan secara maya/ virtual.
- d) Pastikan pesakit memberi persetujuan sebelum sesi kaunseling ubat-ubatan secara maya/ virtual dijalankan.
- e) Daftarkan pesakit ke dalam sistem temujanji.
- f) Tetapkan tarikh dan masa temujanji mengikut slot sedia ada.
- g) Isikan maklumat pesakit ke dalam borang kaunseling ubat-ubatan (contohnya nama, nombor kad pengenalan, alamat emel dan nombor telefon pesakit) dan kepilkan sesalinan preskripsi pesakit.

B. Sesi Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual

Sebelum Sesi Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual

- a) Sediakan
 - i. Senarai temujanji pesakit pada hari tersebut.
 - ii. Borang kaunseling ubat-ubatan beserta salinan preskripsi pesakit.
 - iii. Rekod/ fail pesakit (jika berkaitan)
- b) Hubungi pesakit sekurang-kurangnya sehari sebelum tarikh temujanji kaunseling ubat-ubatan secara maya/ virtual untuk memberi peringatan temujanji.
- c) Bagi pesakit baru yang memilih untuk terus menerima perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ virtual, pastikan pesakit telah memberi persetujuan secara atas talian.
- d) Maklumkan kepada pesakit platform yang akan digunakan untuk kaunseling ubat-ubatan seperti *Skype*, *Google Meet*, *Whatsapp Video Call* dan lain-lain sekurang-kurangnya sehari sebelum tarikh temujanji.

Pada Hari Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual

- a) Sediakan bilik/ ruang khas bagi tujuan tersebut untuk menjaga kerahsiaan dan privasi pesakit.
- b) Buat verifikasi maklumat pesakit:
 - i. Nama
 - ii. Nombor kad pengenalan
- c) Jalankan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual*.
- d) Nilai semula tahap kefahaman pesakit.
- e) Tetapkan tarikh dan masa bagi temujanji susulan (jika perlu).
- f) Memberhentikan dan menjadualkan semula sesi kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* jika:
 - i. Talian internet tidak stabil semasa sesi kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* dijalankan.
 - ii. Perbualan pesakit tiada kaitan dengan tujuan kaunseling.
- g) Setiap sesi kaunseling dijangka akan mengambil masa di antara 20 hingga 30 minit.
- h) Pastikan pesakit hadir ke hospital/ klinik kesihatan pada masa yang terdekat untuk berjumpa dengan pegawai perubatan/ pegawai farmasi, sekiranya mendapati pesakit mengalami kesan sampingan/ ADR/ kaunseling ubat-ubatan secara bersemuka diperlukan.

Selepas Sesi Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual

- a) Rekod dalam borang kaunseling ubat-ubatan.
- b) Dokumen semua intervensi dan rekomendasi yang dijalankan.
- c) Simpan rekod kaunseling ubat-ubatan pesakit.
- d) Kemaskini tarikh temujanji susulan dalam sistem temujanji (jika perlu).

**Mengesanbalik Pesakit Yang Tidak Hadir Temujanji Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/
Virtual**

- a) Semak senarai temujanji.
- b) Kenalpasti pesakit yang tidak dapat dihubungi untuk menjalani kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual*.
- c) Hubungi pesakit untuk mendapatkan maklumat lanjut atau sebab tidak dapat hadir untuk sesi tersebut.
- d) Tetapkan tarikh dan masa temujanji baru.
- e) Kemaskini senarai temujanji.

TEKNIKAL (ICT)

A. Keperluan Teknikal Fasiliti

Pelaksanaan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* di fasiliti memerlukan kemudahan ICT seperti berikut:

- a) Komputer atau komputer riba yang dilengkapi dengan kamera.
- b) Headset dan mikrofon.
- c) Rangkaian – *bandwidth* yang mencukupi (sebak-baiknya 50mbps) atau data plan yang berasingan dari kemudahan rangkaian fasiliti, LAN (mempunyai network port).
- d) Aplikasi atas talian yang boleh digunakan untuk kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* (contohnya *Skype for Business, Whatsapp Video Call, Google Meet*).

B. Keperluan Teknikal Pesakit

Pesakit yang ingin mendapatkan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* memerlukan kemudahan ICT seperti berikut:

- a) Telefon pintar/ komputer *tablet*/ komputer atau komputer riba yang dilengkapi dengan kamera.
- b) Headset dan mikrofon.
- c) Rangkaian – *bandwidth* yang mencukupi, LAN (mempunyai network port atau wifi), *mobile data* dengan data plan yang mencukupi (disarankan bukan pra-bayar).
- d) Mempunyai alamat emel.
- e) Muat turun aplikasi atas talian yang boleh digunakan untuk kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* (contohnya *Skype for Business, Whatsapp Video Call dan Google Meet*).

DOKUMENTASI DAN PENGURUSAN REKOD

A. Borang Persetujuan Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual

Satu dokumen bertulis untuk mendapatkan persetujuan dan kebenaran daripada pesakit/ penjaga untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ virtual. Ia mengandungi maklumat peribadi dan tandatangan pesakit/ penjaga. Borang ini perlu disimpan di fasiliti masing-masing.

Persetujuan pesakit untuk menerima perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ virtual juga boleh diperolehi secara atas talian jika pesakit tidak dapat hadir ke farmasi secara fizikal semasa sesi kaunseling ubat-ubatan diberikan.

Contoh Borang Persetujuan Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual (rujuk Lampiran A).

B. Jadual Temujanji Pesakit Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual

Satu dokumen yang menyenaraikan tarikh, slot masa, maklumat pesakit (contohnya nama, nombor kad pengenalan, alamat emel dan nombor telefon) yang akan menerima perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ virtual di fasiliti masing-masing.

Dokumen ini boleh disediakan secara manual ataupun menggunakan sistem bergantung kepada fasiliti dan ianya perlu dikemaskini dari semasa ke semasa.

Contoh Temujanji Pesakit Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual (rujuk Lampiran B).

C. Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual

Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual adalah satu rekod yang menyenaraikan semua nama pesakit yang telah menerima perkhidmatan ini di fasiliti masing-masing. Daftar pesakit ini boleh disediakan secara manual ataupun menggunakan sistem bergantung kepada fasiliti. Fasiliti juga boleh menggunakan daftar pesakit kaunseling ubat-ubatan sedia ada dengan syarat pesakit yang menerima perkhidmatan ini boleh dikenalpasti atau dibezakan bagi tujuan audit dan sebagainya.

Contoh Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual (rujuk Lampiran C).

D. Borang Kaunseling Ubat-Ubatan

Setiap aktiviti kaunseling yang dijalankan hendaklah direkod dengan lengkap dalam sistem (contohnya PHIS) atau menggunakan borang kaunseling ubat-ubatan yang sedia ada sepertimana di Garis Panduan Kaunseling Ubat-Ubatan Edisi Ketiga.

Jika borang kaunseling ubat-ubatan manual digunakan, fasiliti perlu memastikan rekod bagi pesakit yang menerima perkhidmatan ini boleh dikenalpasti atau dibezakan bagi tujuan audit dan sebagainya.

Bagi sesi lawatan susulan MTAC yang dijalankan secara maya/ *virtual*, aktiviti tersebut perlu direkodkan di bawah modul MTAC (sistem PHIS) atau borang MTAC sahaja.

Contoh Borang Kaunseling Ubat-Ubatan (rujuk Lampiran D).

E. Pengurusan Rekod Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual

Penyimpanan rekod yang baik akan memudahkan proses mengesan semula maklumat pesakit apabila perlu.

Semua rekod berkaitan aktiviti kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* boleh disimpan secara *hardcopy* atau *softcopy* dan boleh dikemukakan pada bila-bila masa mengikut keperluan.

Penyimpanan rekod berkaitan aktiviti ini di fasiliti adalah sekurang-kurangnya bagi tempoh dua (2) tahun.

CAJ/ BAYARAN PERKHIDMATAN

Tiada caj/ bayaran akan dikenakan ke atas perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* bagi pesakit yang mendapat rawatan dari fasiliti kesihatan KKM buat masa ini.

PELAPORAN STATISTIK AKTIVITI KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ VIRTUAL

Aktiviti perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* yang dijalankan di hospital atau klinik kesihatan KKM perlu dipantau dan dilaporkan kepada Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, KKM mengikut jadual pelaporan yang ditetapkan.


Pelaporan statistik aktiviti kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* boleh dibuat melalui:

- a) Laporan PF 5.5(a): Aktiviti Farmasi Klinikal Ambulatori - Kaunseling (Hospital Dan Klinik Kesihatan) (Selain MTAC)
- b) Laporan PF 5.5(b): Aktiviti Farmasi Klinikal Ambulatori - Medication Adherence Therapy Clinic, MTAC (Hospital dan Klinik Kesihatan)

Cara pelaporan statistik aktiviti kaunseling ubat-ubatan secara maya/ virtual (rujuk Lampiran E).


CARTA ALIR

A. Pendaftaran Pesakit




B. Sesi Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ Virtual

SEBELUM SESI KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ VIRTUAL:



PADA HARI KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ VIRTUAL:




SELEPAS SESI KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ VIRTUAL:

TANGGUNGJAWAB

CARTA ALIR

PROSES KERJA




MENGESANBALIK PESAKIT YANG TIDAK HADIR TEMUJANJI KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ VIRTUAL:

TANGGUNGJAWAB

CARTA ALIR

PROSES KERJA



LAMPIRAN

Senarai lampiran adalah seperti berikut:

Lampiran A: Borang Persetujuan Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ *Virtual*

Lampiran B: Jadual Temujanji Pesakit Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ *Virtual*

Lampiran C: Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ *Virtual*

Lampiran D: Borang Kaunseling Pesakit Individu

Lampiran E: Cara Pelaporan Statistik Aktiviti Kaunseling Ubat-Ubatan Secara Maya/ *Virtual*

BORANG PERSETUJUAN KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ VIRTUAL**JABATAN FARMASI** _____

Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* adalah satu perkhidmatan di bawah Program Perkhidmatan Farmasi, KKM di mana aktiviti kaunseling ubat-ubatan dan alat pengubatan disampaikan secara maya (*virtual*), langsung (*live*) dan interaktif di antara pegawai farmasi dan pesakit yang menerima rawatan di bawah fasiliti KKM.

Saya telah diberi penerangan oleh Pegawai Farmasi (PF) tentang pelaksanaan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* dan bersetuju untuk menyertai perkhidmatan ini pada:

Tarikh: _____**Masa:** _____

Dengan ini, saya bersetuju bahawa:

- 1) Saya/ pesakit mempunyai komputer/komputer riba/ telefon pintar dan rangkaian internet yang mencukupi untuk kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual*.
- 2) Maklumat klinikal semasa sesi kaunseling dijalankan boleh dikongsi dengan pegawai perubatan/ pegawai farmasi yang lain bagi tujuan rujukan, sekiranya perlu, bagi kesinambungan perawatan.
- 3) Sebarang rakaman sepanjang sesi kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* yang melibatkan privasi saya/ pesakit tidak boleh dikongsi/ ditular/ disebar kepada pihak luar selagi tiada persetujuan bertulis daripada pihak saya/ pesakit.
- 4) Sebarang rakaman tidak boleh digunakan sebagai bukti untuk tindakan undang-undang terhadap KKM.
- 5) Sebarang kos sambungan internet adalah di bawah tanggungan sendiri.
- 6) Pegawai farmasi boleh memberhentikan kaunseling jika terdapat
 - a) Gangguan akses capaian internet atau sebarang masalah teknikal, atau
 - b) Jenis perbualan tiada berkaitan dengan tujuan kaunseling.
- 7) Saya berhak untuk tidak meneruskan kaunseling ubat-ubatan secara maya/ *virtual* atas pilihan saya sendiri/ pesakit.
- 8) Saya boleh hadir/ membawa pesakit hadir ke farmasi sekiranya ada keperluan untuk kaunseling bersemuka/ lanjut.

Tandatangan Pesakit/ Penjaga:**Tandatangan PF:**

Nama:**Nama:****No. K/P:****Cop PF:****Tarikh:****Tarikh:***Peringatan:*

Pesakit/ Penjaga hendaklah membuat persiapan secukupnya pada hari dan masa temujanji yang ditetapkan supaya kaunseling ubat-ubatan secara maya/ virtual dapat dijalankan dengan lancar.

JADUAL TEMUJANJI PESAKIT KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ VIRTUAL**JABATAN FARMASI** _____**Tarikh:**

SLOT MASA	MAKLUMAT PESAKIT			
	NAMA PESAKIT & KAD PENGENALAN	ALAMAT EMEL	NO. TELEFON	APLIKASI YANG DIGUNAKAN
9.00am				
9.30am				
10.00am				
10.30am				
11.00am				
11.30am				
12.00pm				
12.30pm				
2.30pm				
3.00pm				
3.30pm				
4.00pm				
4.30pm				

BORANG KAUNSELING PESAKIT INDIVIDU

Jabatan Farmasi _____

Individu Bedside
 Susulan Discaj No Rujukan _____
 Tarikh _____

Nama _____ IC/RN _____
 Jantina Lelaki Perempuan
 Bangsa Melayu Cina India Lain-lain

Alamat _____
 Tinggi _____ Berat _____ BMI _____

Tujuan Kaunseling:

Kaunseling Ubat-ubatan
 Kaunseling Penyakit Kaunseling Alat Ubatan
 Lain-lain Penilaian Komplians

Diagnosis _____

Sejarah Penyakit

Alergi ubat	Tidak	<input type="checkbox"/>	Ya	<input type="checkbox"/>	Nyatakan: _____
Kad Alergi	Tidak	<input type="checkbox"/>	Ya	<input type="checkbox"/>	No. Kad: _____
Merokok	Tidak	<input type="checkbox"/>	Ya	<input type="checkbox"/>	Nyatakan: _____
Alkohol	Tidak	<input type="checkbox"/>	Ya	<input type="checkbox"/>	Nyatakan: _____
Mengandung	Tidak	<input type="checkbox"/>	Ya	<input type="checkbox"/>	Trimester: _____
Menyusu	Tidak	<input type="checkbox"/>	Ya	<input type="checkbox"/>	
OTC	Tidak	<input type="checkbox"/>	Ya	<input type="checkbox"/>	Nyatakan: _____

Sejarah Pengubatan (jika ada)		Senarai Ubat Terkini	
Nama ubat, Dos & Frekuensi		Nama ubat, Dos & Frekuensi	
1)		1)	
2)		2)	
3)		3)	
4)		4)	
5)		5)	
6)		6)	
7)		7)	
8)		8)	
9)		9)	
10)		10)	

PENILAIAN TAHAP KEFAHAMAN PESAKIT

	Tahap Kefahaman		
	Baik	Sederhana	Lemah
Komplians	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Ubat-ubat/alat ubatan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

ULASAN PEGAWAI FARMASI

Kaunseling Susulan Tidak Ya
 MTAC Tidak Ya Tarikh Temujanji _____
 Jenis MTAC & Tarikh _____

Tandatangan _____ Tarikh _____

(Nama & Cop Pegawai Farmasi)

CARA PELAPORAN UNTUK AKTIVITI KAUNSELING UBAT-UBATAN SECARA MAYA/ VIRTUAL

PF 5.5(a): AKTIVITI FARMASI KLINIKAL AMBULATORI - KAUNSELING (HOSPITAL & KLINIK KESIHATAN) (Selain MTAC)

HOSPITAL: FASILITI A

TEMPOH/ BULAN: JAN-JUN 2021

FASILITI	Kod Fasiliti	Perkhidmatan Kaunseling Pesakit Luar												
		Bilangan Bilik Kaunseling Individu	Bilangan Pegawai Farmasi di Farmasi Pesakit Luar	Fasiliti Mempunyai Pegawai Farmasi Kaunseling Sepenuh Masa?		Bilangan Kaunseling Individu Bukan Susulan1 (A)	Bilangan Kaunseling Susulan Individu2 (B)	Jumlah Kaunseling Individu Dilakukan (A + B)	Mencapai Sasaran Minima3 Kaunseling? (Tandakan ✓)		Perkhidmatan Kaunseling Berkumpulan			
				Ya	Tidak				Ya	Tidak	Bilangan Topik Kaunseling	Nyatakan Topik Kaunseling4	Jumlah Sesi5	Jumlah Pesakit
Fasiliti A (OPD)	11-14010002	7	63	✓		4,388	218	4,606	✓		1	Pre-chemotherapy counselling - Breast Cancer	4	8
Fasiliti A (Virtual)							340	340						
JUMLAH		7	63			4,388	558	4,946						

